

# Tingkatkan kelestarian ekosistem hutan paya gambut

**Hulu Selangor:** Fakulti Pengajian Alam Sekitar (FPAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan projek komuniti Kelestarian Ekosistem Hutan Paya Gambut melalui pemindahan ilmu pengurusan alam sekitar kepada penduduk di Kawasan Hutan Simpan Raja Musa Selangor, di sini, baru-baru ini.

Ketua projek, Dr Rohasliney Hashim, berkata program itu bertujuan membantu komuniti setempat merangka mekanisme

pemuliharaan dan pemeliharaan ekosistem paya gambut untuk meningkatkan kembali kualiti hutan paya gambut.

"FPAS, UPM berkolaborasi dengan Pertubuhan Sahabat Hutan Gambut Selangor Utara (SHGSU) dan Jabatan Hutan Daerah Hulu Selangor (JHDHU) dalam melaksana projek ini yang dibiayai oleh skim geran komuniti *Knowledge Transfer Grant Scheme* (KTGS) daripada Pusat Transformasi Komuniti Universiti, UPM.

"Melalui program ini, diharapkan ahli SHGSU dapat mempraktikkan teknik pemantauan kualiti alam sekitar dan kaedah pengurusannya bagi memastikan mereka boleh menjadi mata serta telinga kepada JHDHU dalam menjaga ekosistem paya gambut," katanya.

Pensyarah FPAS lain yang terbabit menghasilkan modul kaedah pemuliharaan dan pemeliharaan kelestarian ekosistem hutan paya gambut anta-

ranya ialah Dr Nazatul Syadia Zainordin, Dr Abdul Muhammin Aminuddin serta Dr Zufarzaana Zulkiflee.

Dr Rohasliney berkata, projek komuniti berkenaan turut disertai pelajar tahun dua dan tahun tiga Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Alam Sekitar.

"Melalui penyertaan ini, pelajar secara tidak langsung dapat memperkembangkan ilmu pengurusan alam sekitar yang dipelajari di FPAS.

"Projek ini merangkumi

pengenalan kepada penggunaan alat pemantauan kualiti alam sekitar, teknik penyelidikan berkaitan pemantauan ke atas alam sekitar dan analisis dengan kaedah yang betul, malah melalui kaedah ini, komuniti dapat menentukan tahap kesihatan persekitaran mereka," katanya.

SHGSU adalah pihak yang lebih layak untuk menjalankan pemantauan kualiti alam sekitar kerana lebih dekat dengan ekosistem paya gambut.

Pembabitan pertubuhan itu dalam pemantauan kualiti alam sekitar akan memberikan sifat rasa pemilikan kepada komuniti berdekatan, di samping pemantauan terhadap hutan simpan paya gambut dapat dilaksanakan sepanjang masa bagi memastikan kelestariannya.



Pensyarah dan Pelajar FPAS bersama-sama ahli SHGSU yang terbabit pada program diadakan baru-baru ini.



Mahasiswa FPAS membantu ahli SHGSU dalam memproses data kualiti alam sekitar.